SOALAN NO.: 23

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**
KAWASAN	:	**KINABATANGAN**
TARIKH	:	**17 MAC 2015, SELASA**

SOALAN:

YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pelaksanaan dan pembangunan Lebuh Raya Pan Borneo seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2015.

41

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo dilaksanakan oleh Kerajaan secara berperingkat-peringkat melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 2,239 kilometer.

Daripada jumlah tersebut, 1,166 kilometer berada di Sabah dan 2,239 kilometer lagi di Sarawak. Setakat ini jajaran Jalan Pan Borneo yang telah dinaikkan taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala ialah sepanjang 251 kilometer, iaitu 114 kilometer di Sabah dan 137 kilometer di Sarawak.

Pada masa kini Kerajaan telah meluluskan 7 projek baru Jalan Pan Borneo dengan nilai keseluruhan projek sebanyak RM1.52 bilion. Projek-projek ini dilaksanakan menerusi kontrak konvensional JKR (bukan penswastaan), iaitu seperti berikut:

(1) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun, Sarawak (44km);
(2) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian, Sarawak (8km);
(3) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak;
(4) Menaik taraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur, Sabah, Pakej 1 (13.7km);
(5) Menaik Taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Sabah, Pakej 1A dan 1B (6km);

(6) Menaik Taraf Jalan Tawau ke Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Sabah, Fasa 1 (15km); dan

(7) Menaik Taraf Jalan Segama Lahad Datu, Sabah, Fasa 1 (5.6km).

Mengenai status projek Jalan Pan Borneo yang bakal dilaksanakan menerusi penswastaan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat skop pelaksanaan dan butir-butir terperinci mengenai baki Jalan Pan Borneo yang belum dibina dan dinaikkan taraf itu akan dimuktamadkan setelah perjanjian konsesi ditandatangani antara pembida konsesi dan Kerajaan. Pada masa kini cadangan penswastaan Jalan Pan Borneo untuk negeri Sarawak sedang dalam peringkat akhir rundingan dan ia dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat ini. Manakala untuk negeri Sabah pula, ia masih sedang dalam peringkat rundingan awal dengan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Sekian. Terima kasih.

43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**
TARIKH	:	**17 MAC 2015 (SELASA)**
SOALAN	:	**24**

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) Perancangan Kerajaan dalam pembukaan tanah-tanah untuk peneroka baru setelah pembukaan tanah-tanah baru diterokai dihentikan oleh Kerajaan pada 1 Januari 1990; dan

(b) Nyatakan sebab-sebab Kerajaan menghentikan pembukaan tanah-tanah baru ini.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 16 April 1989, Kerajaan Pusat telah mengarahkan supaya Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi membuat kajian semula terhadap peranan dan masa depan FELDA. Di antara asas-asas kajian semula itu ialah masalah kekurangan tanah, beban kewangan Kerajaan dan isu-isu yang dibangkitkan peneroka.

Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi telah mengemukakan syor melalui memorandum kepada Y.A.B. Perdana Menteri pada 21 Disember 1989. Y.A.B. Perdana Menteri bersetuju dengan memorandum tersebut dan memutuskan mulai 1 Januari 1990, pengambilan peneroka di semua tanah rancangan FELDA seluruh negara dihentikan. Sebagai gantinya pengurusan tanah rancangan dijadikan ladang komersil dan dikendalikan oleh FELDA.

Dasar tidak mengambil dan menempatkan peneroka di tanah rancangan ini adalah sebagaimana terkandung dalam Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 19 Julai 1989 dan dimuktamadkan dengan keputusan bertarikh 13 Mac 1996 berasaskan kepada keadaan berikut:

i) sumber kewangan Kerajaan Pusat yang terhad untuk membiayai projek pembukaan tanah dan penyediaan infrastruktur;

ii) FELDA dikehendaki menjana sumber kewangan dan membiayai perbelanjaan pembangunan peneroka;

iii) Kawasan yang diluluskan kepada FELDA hanya diberimilik kepada FELDA dan tidak dimasukkan peneroka.

Sekian. Terima kasih.